

TAWAKAL DALAM ISLAM

“...ringkasnya erti tawakal ialah berserah untuk nasib kepada Allah semata-mata sehingga fikiran sekali-kali tak tertanggung oleh segala was was bagi memikirkan berhasil atau tidak usahanya....kerana mereka yang sebenar-benarnya beriman tetap iktikadnya: di sebalik ikhtiar ada suatu kuasa ghaib iaitu lah Allah. Kata pepatah: memanah bersasaran, bukan bersandar di anginnya, berjejak di awan-awangan. Lamun demikian jatuhlah kita seperti sekerat pantun ini : perahu lilin layar kertas, hendak mengharung lautan api.” Kata penulis rencana ini antara lain-lain.

(oleh ‘Abdul Ḥamid – Fāriyah)

Galak sekali saya mendengar orang-orang berkata tawakkal ‘alā Allāh. Apakah ertinya itu? Di dalam berkata-kata hal tawakal tak bolehlah ditinggalkan sabar kerana kedua-duanya itu laksana api dengan panas, perbezaan ini rapat dan kemas sekali, bukanlah satu rangkaian yang terbit daripada khayal sahaja tetapi dengan tafahus yang saksama. Di dalam Quran al-Karim pun ada tercantum kedua-dua kalimah ini pada sebanjar itu sebagaimana kerap tercantum al-ṣalāt dan al-zakāt jua. Firman Tuhan ertinya : “mereka yang sabar serta bertawakal kepada Tuhan”. Surah al-Naḥl 42 dan firman-Nya lagi, ertinya : “bertawakallah kepada Tuhan dan sabarlah apa yang mereka katakan”. Surah al-Muzammil 109. Jadi alasan ayat-ayat Quran yang tersebut nyatalah kaum-kaum muslimin disuruh bertawakal. Kepercayaan yang sedemikian seelok-eloknya pengangan oleh kerana pada iktikad kita sekalian pun tiap-tiap sesuatu itu bukannya di luar daripada kuasa Allah. Bahkan tali pergantungan kita pun terikat dengan seerat-erat dan sekukuh-kukuh kepada Allah bukan sahaja pada masa ini kepercayaan yang demikian tetapi dari zaman dahulu zaman permulaan kembang agama Islam tumbuh dengan subur pada hal tempatnya di padang pasir. Kampung

Yathrib yang awalnya tempat sarang malaria itu telah beransir-ansur menjadi elok bagus, kemudian terus dinamakan tayyibah pada akhirnya menjadi “Madinah” negeri (Madinah daripadanyalah terbit perkataan tamadun ertinya kenegaraan) yang berkesopanan.

Rasulullah (SAW) serta sahabat-sahabatnya dengan setugas-tugas hati bertumpu kepada Allah memugar dan membukan tempat itu. Apakah sebabnya Rasulullah (SAW) bekerja keras mementingkan hal yang tersebut tiada lain Rasulullah ketahui manusia itu ialah insan yang dikirimkan ke dunia yang luas ini untuk mengatur hidup dan menyusun kesenangan bagi memenuhi firman Tuhan:

Huwa al-alladhī khalaqa lakum mā fī al-arḍi jamī‘ā. Ertinya:

“Dia (Tuhan) menjadikan sekalian isi bumi ini bagi kamu semua.” Tak boleh diharap dengan apa yang ada sahaja, tak boleh cemas menempuh segala hal yang dahsyat, makin besar pekerjaan yang diharap oleh Rasulullah semakin besar pulahlah ikhtiar budi bicara dan akal fikirannya digunakan.

Tuan-tuan pembaca yang menuntut kemajuan, dengarlah sejarah tinggal sejarah cerminan hidup segala bangsa. Di bawah

ini dibangkitkan riwayat penganjur besar umat muslimin sedunia yang menjadi “*rahmatan li al-‘ālamīn*”.

Di Tā’if pada tahun hijrah yang ke-8 semasa Rasulullah memecahkan kubu di situ bukan semata bertawakal dengan sepuluh jari dan badan bulat bukan dengan sekadar jambaya, khanjar, panah, dan pedang sahaja. Sanya selain daripada alatan yang tersebut termasuklah jawa zirah dan Parsi. Rasulullah menggunakan “*manjaniq*” di keliling kubu musuh itu tak pula ketinggalan ditaburannya duri sampai musuh-musuhnya tak dapat kelaur. Bagaimana pula caranya sahabat-sahabat bertawakal? Tidaklah pula kurang ikhtiar dan usaha mereka, mereka itu mengadakan “*dabbabah*” – baca bab yang awal itu dengan syadah- iaitu sebangsa *Tanks* seperti yang ada sekarang: diperbuat daripada kayu yang berbulat dengan belulang atau kekotak kayu besar, jika tiada begitu boleh jadi tewas, tatkala dari pihak musuh alatan-alatan tidak pula kurang mereka menyediakan pelontar-pelontar yang tersebut di dalam Quran: *faidhā ‘azamta fatawakkal ‘alā Allāh innallāha yuhibbul mutawakkilīn*. “Melayunya” maka apabila engkau telah berazam maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihani akan orang-orang yang bertawakal.” Di dalam ayat ini terang-terang Tuhan menyebutkan mengasihani kepada yang bertawakal kerana yang demikian itu tiadalah berlawanan dengan sunnatullah yakni undang-undang Allah, aturan Allah. Demikianlah tawakal di dalam Islam. Oleh itu tiap-tiap pergerakan, tiap-tiap percubaan dan segala sesuatu yang dilarang Rasulullah tak pernah terbengkalai dan tak pernah terbantut terus maju ke hadapan seumpama bulan mengambang hingga menjadi purnama raya.

Akan tetapi apa akibatnya setelah junjungan kita meninggalkan kita, Khulafā’ al-Rāshidīn dan pengganti-pegganti mereka menjadi arwah? Hampir-hampir sekalian umat Islam pun terpesong memahamkan tawakal, rata-rata memahaminya dengan memeluk tubuh tidak menggunakan usaha tadbir, istimewa kaum kita melayu mengambil pengertian tawakal jika tak lebih tetapi tetap tak kurang secara faham Hindu cuma dengan

“*bring-bring*” (hyang-hyang) sahaja, ajaran itu kesudahannya membawa meleset, akhir sekali bulan kebahagiaan Islam pun beransur malap. Beserta ini saya rakamkan dua ajaran yang tersebut (1) Krishna menyuruh tiap-tiap orang yang minta beriman kepadanya akan meninggalkan segala hartanya dan lain-lain kesukaan alam ini dan pergi ke tempat yang sunyi memikirkan kepada Allah sahaja, (2) berkata Buddha kepada murid-muridnya yang maksudnya supaya mereka itu meninggalkan keduniaan dan kekayaan dan hidup secara miskin – di dalam Bahasa Sanskrit ajaran itu namanya *seniasi* .

Untuk menjelaskan makna tawakal saya hidangkan kepada tuan-tuan pembaca suatu kejadian pada zaman Rasulullah supaya membangunkan semangat yang lemah dan menyedarkan kemahuan yang sempit. Seorang arab telah melepaskan unta kenderaannya dengan tiada bertali dan tiada berkegang sambil berkata – Ah! aku bertawakal sahaja kepada Allah! Oleh kerana Junjungan kita tiada berkenan kepada perbuatan lelaki it uterus dibidasnya dengan pedas: “*‘a‘qaluhā wa tawakkal*” mafhumnya: “Hendaklah engkau tambat akan unta itu kemudian bertawakallah !” Sebagai mentafsir hadis di atas, di bawah ini ditulis suatu hadis kudi “*innallāh yaqūlu yā ‘ibadī ḥarraka yadika unzila ‘alayka razaq.*” ertinya : “*Sesungguhnya berfirman Tuhan, Hai hambaku! Gerakkanlah tangan engkau supaya Aku turunkan rezeki kepada engkau*”.

Dua hadis yang disebutkan itu terang dan nyatalah kepada kita bahawa diperintahkan kita berikhtiar, bertadbir, beramal dan berusaha mencari rezeki yang halal bukan dengan tak tentu dorong sahaja, sanya yang bermaksud di dalam hadis “*ḥarraka yadika*” itu tiada lain hanya usaha, sedang Nabi-nabi dan Rasul-rasul lagi berusaha pada hal *lamūn anbiyā’* itu pinta (berdoa) dari hadrat Allah supaya menjadi hartawan dimuka bumi ini dengan tak bersusah payah, siapakah yang berani mengatakan tidak dikabulkan Tuhan? Tetapi Baginda tak mahu berbuat demikian, bahkan mengambil sesuatu sebab untuk mendapat rezeki dan menjadi contoh

tauladan kepada umatnya. Nabi Muḥammad penternak dan saudagar, Nabi Adam dan Nabi Ibrāhīm ahli peladang. Nabi Idrīs derji, Nabi Nūḥ tukang bahtera dan nakhoda, Nabi Hūd dan Šāleḥ saudagar, Nabi Ishāq, Ya‘qūb dan Syu‘ayb penternak, Nabi Yūsuf pentadbir, Nabi Hārūn pegawai negeri, Nabi Ilyās jurutenun, Nabi Dāwud tukang besi (ahli leburan), Nabi ‘Isa pengembara.

Sekarang marilah kita perhatikan jauh-jauh dan dalam-dalam siapakah yang meniru langkah-langkah anbiya’ itu? Dari sekecil-kecilnya sampai ke besar-besarnya segala kemajuan? Sayang kita diwajibkan percaya kepada nabi-nabi tetapi cuma dengan sebutan-sebutan sahaja yang demikian samalah dengan murid-murid sekolah yang pandai melancar sifir tetapi salah menghitung kira-kira bahagi. Tiba di sini sampailah masanya bagi menerangkan erti tawakal *fī dīn al-Islām* dengan berpandukan dua cerita yang di atas, tawakal itu sebagaimana biasa diertikan di dalam Bahasa Melayu ialah berserah. Erti itu sudah kena pada tempatnya tetapi dengan misalnya yang lanjut adalah begini; seorang penyerah akan tiada diterima serahannya oleh tuannya lamun diputar kira-kiranya tak betul dengan jumlah wangnya, suatu mesyuarat tak boleh disahkan atau terus dijalankan sekiranya biayanya sitanya tiada setentang dengan wang keluar masuknya. Jadi mengetahui kita tawakal itu ialah kemudi hati, tempatnya dihati bukan di mulut, ikhtiar budi bicara tak bolehlah diabaikan, makna yang lebih jelas tawakali itu ialah faham dan amal dengan memenuhi syarat-syaratnya serta sebab-sebabnya kerana manakala seseorang meninggal akan kedua-duanya itu (syarat dan sebab) terus sahaja bertawakal dan berserah diri kepada Allah dengan hanya mendakwa bertawakal, nyatalah ia orang yang tak siuman tagal tawakal itu beristana di hati dan mengerjakan sebab-sebabnya bersemayam diangkut. Bukankah manusia itu diperintah mengikut fitrah Allah, diatas-Nyalah manusia dijadikan. Firman Tuhan “*wa lan tajida li sunnatullāha tabdīlā*” ertinya: “Sekali-kali tiada kamu dapati peraturan Allah itu berubah. Seseorang yang

bertawakal tetapi tak mengambil persediaan lebih dahulu menurut sebagaimana sunnatullah, tak dapat tiada jatuhlah ia ke jurang kerugian dan kesesalan. Berhubung dengan tawakal juga Nabi kita pernah bersabda: “*idhā sami ‘tum bi al-ṭṭā’ūn bi arḍin falā tadkhalū ‘alayha wa idhā waqa ‘a wa antum bi arḍin falā takhrujū minhā*” . ertinya “Apabila kamu mendengar penyakit haru sedang merebak di sebuah negeri maka janganlah kamu datangi negeri itu, dan apabila ia merebak dalam negeri yang kamu di dalamnya maka janganlah kamu keluar daripadanya”.

Hadis ini sebenar-benarnya teruji mukjizatnya pada zaman Sayyidina ‘Umar bin al-Khaṭṭāb Raḍī Allāh ‘Anh menjadi khalifah. Baginda berangkat ke Syam manakala tiba di kampung di dalam Wilayah Damshiq perkhabaran pula sampai kepada baginda bahawasanya penyakit taun sedang bercabul, manusia terkorban beribu-ribu. Demi terdengar berita yang ngeri itu sahabat-sahabat terbahagi dua separuh berpandangan mesti berpatah balik, separuh lagi mesti jalan tersu. Pihak ini berpegang “sakit dan sihat mati dan nidup semuanya di bawah kuasa Allah, kita bertawakal kepada Allah sekali-kali kita tidak mengelak daripada takdirnya.” Perselisihan ini tak dapat putus akhirnya sahabat-sahabat pergi meminta fikiran Sayyidina ‘Umar. Baginda berkata, kita kembali tak usah kita menempuh wabak.

Sahabat-sahabat yang berfikir lebih baik diteruskan perjalanan itu berkata : adakah boleh kita lari daripada takdir Allah? Khalifah yang berpegang kepada hadis Nabi tersebut dan mengenal betul, makna tawakal lalu menjawab: “ memang kita lari daripada takdir Allah kepada takdir Allah jua. Kemudian diberinya satu misalan yang munsabah yang wajib menjadi panduan kita, bagaimana pendapatan tuan-tuan sekiranya tuan-tuan mempunyai kambing yang dahulu kepada dua buah padang yang sebuah hijau rumputnya dan sebuah lagi tiada berumput, bukankah jika kambing itu digembalakan di padang berumput hijau di bawah kudrat Allah juga? Mereka menjawab memang kedua-duanya

di bawah kudrat Allah, tetapi di mana tuan-tuan gembalakan?

Beliau bertanya pula: tentu di padang berumput bukan?

meskipun begitu, ujar beliau, itu lebih baik kita tunggu

sampainya ‘Abdul Rahman bin ‘Auf boleh jadi dia mempunyai

pertimbangan yang lain. Di antara itu sebelum ‘Abdul Rahman

sampai beberapa orang telah bertolak ke Syam dengan izin

khalifah kerana yakin kepada takdir. Pagi-pagi esok

‘Abdul Rahman baharu datang lalu ditanya fikirannya, ia pun

berkata, “Saya telah terima daripada Rasulullah suatu


sabda yang berhubung dengan perkara ini ya amirul mukminin”.

Kata ‘Abdul Rahman: saya dengar Rasulullah bersabda: “Apabila

kamu mendengar penyakit taun pada satu negeri makan

Janganlah kamu masuk ke dalamnya. Dan apabila kejadian

pula di suatu negeri pada hal kamu ada di situ jangan pula



kamu keluar daripadanya. ”

Keriangannya Sayyidina ‘Umar mendengar riwayat itu dia memuji Allah sebab sabda Rasulullah bersetuju dengan pertimbangannya,

Tuan-tuan pembaca! Orang-orang yang bertolak ke Syam itu apakah kesudahannya? Khabarnya Sayyidina Abū ‘Ubaydah telah meninggal

dunia tagal dikuda oleh taun yang masyhur xxxx kemudian

daripada apa yang berlaku itu sahabat-sahabat sekalian

bersetuju memliharakan diri daripada penyakit itu

termasuklah jumlah tawakal jua. Sekianlah hakikat fahaman

tawakal, daripada beberapa pandangan yang tersebut. Jadi ringkasnya

erti tawakal ialah berserah untung nasib kepada Allah

semata-mata hingga fikiran sekali-kali tak tertanggung oleh segala

was was bagi memikirkan berhasil atau tidak usahanya

dengan sebulat –bulat hati tetap menuju ke satu haluan sahaja

kerana bahawa mereka yang sebenarnya itu tetap

iktikadnya : di sebalik ikhtiar dan bertawakal

ada suatu kuasa ghaib ya itulah Allah. Kata

pepatah “memanah bersasaran , bukan bersandar

di angin lalu, berjejak di awang-awangan. Lamun

demikian jatuhlah kita seperti sekerat pantun

ini : Perahu lilin layar kertas. Hendak

mengharung lautan api.”

—
*

Suatu pemandangan indah di tengah-tengah bandar

Kaherah-Mesir.

*